

11/10/1997

Pas puji langkah Pusat berjimat cermat

RANTAU PANJANG, Jumaat - Pas hari ini memuji langkah jimat cermat Kerajaan Pusat dalam menangani krisis mata wang yang dialami negara sekarang.

Bendahari Pas Pusat, Abdul Halim Abdul Rahman, menyifatkan tindakan pemimpin kerajaan itu yang memperkenalkan beberapa dasar baru dalam mengawal perbelanjaan negara sebagai bijak dan wajar.

Sehubungan itu, beliau tidak mahu ada ahli Pas yang cuba memburuk-burukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berikutan krisis itu.

Ini kerana, katanya, isu kejatuhan ringgit yang dialami negara sekarang adalah masalah bersama dan jangan ada sesuatu pihak cuba menyalahkan pihak lain.

Menurutnya, tanggungjawab untuk memulihkan keadaan itu terpaksa ditanggung bersama bukan oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri saja.

"Kita (ahli Pas) tidak boleh bersorak (bertepuk tangan) dengan kejadian itu, kerana musibah itu yang menimpa setiap rakyat tanpa mengira peringkat dan fahaman politik.

"Sekarang bukan masanya untuk kita bersorak kerana kegagalan pemimpin negara dalam menangani masalah itu disebabkan mereka daripada parti lawan.

"Kita hanya boleh menyedarkan pucuk pimpinan supaya mereka dapat merangka pengurusan kewangan dan ekonomi yang cekap dan mampan.

"Malah, beberapa langkah yang diambil oleh pihak berkenaan dalam menangani isu kejatuhan ringgit sekarang ini patut dipuji," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Besar Kelantan berkata demikian ketika merasmikan Hari Keluarga Pas kawasan Rantau Panjang di Markas Besar Pas kawasan itu, di sini, hari ini.

(END)